



IKLAN

PERMOHONAN BIASISWA PERSEKUTUAN TAJAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT DIPLOMA DI POLITEKNIK BAGI KEMASUKAN SESI 2010/2011

1. Permohonan adalah dipelawa daripada pelajar-pelajar yang mendaftar untuk mengikuti pengajian peringkat Diploma di politeknik bagi kemasukan Sesi 2010/2011 untuk mendapat biasiswa tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam.

2. BIDANG TAJAAN

Semua bidang yang ditawarkan oleh politeknik pada Sesi 2010/2011.

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

A. Calon-calon yang layak memohon:

- (i) Warganegara Malaysia
- (ii) Terbuka kepada pelajar-pelajar yang mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja.
- (iii) Umur tidak melebihi 19 tahun pada tarikh iklan.
- (iv) Telah mendaftar diri untuk mengikuti pengajian tahun satu di politeknik pada bulan Januari sesi 2010/2011 atau pada bulan Julai sesi 2010/2011.
- (v) Pelajar SPM lepasan 2008
 - a) mendapat sekurang-kurangnya gred 6C (kepujian) dalam Bahasa Melayu;
 - b) memperolehi sekurang-kurangnya gred 4B dalam 6 mata pelajaran

(vi) Pelajar SPM lepasan 2009

a) mendapat sekurang-kurangnya gred C (kepujian) dalam Bahasa Melayu;

b) memperolehi sekurang-kurangnya gred B dalam 6 mata pelajaran lain

B. Calon-calon yang tidak layak memohon:

(i) Pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat sijil.

(ii) Pelajar yang berada di tahun dua dan ke atas.

(iii) Pelajar yang mengikuti kursus yang berkaitan dengan pendidikan.

(iv) Pelajar yang telah mempunyai kelayakan Diploma.

(v) Pelajar yang sedang mengikuti Program Pendidikan Jarak Jauh/separuh masa.

(vi) Pelajar yang mempunyai Diploma Lepas Ijazah atau Diploma anjuran sesuatu Jabatan/Agensi.

4. KADAR BIASISWA

Kadar biasiswa adalah seperti berikut:

JENIS ELAUN	ELAUN SARA HIDUP (SETAHUN)		ELAUN BUKU (SETAHUN)	ELAUN ALAT PERKAKAS (SETAHUN)	ELAUN TESIS (SEKALI SAHAJA)	ELAUN KERTAS PROJEK (SETAHUN)	ELAUN LATIHAN AMALI (SEHARI)	YURAN** PENGAJIAN (SETAHUN)
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
	Kadar A*	Kadar B*						
Diploma								POLI – 400
(a)Sastera	7,560	6,426	400	50	-	150	-	
(b)Sains	7,560	6,426	400	100	-	150	-	
(c)Teknologi	7,560	6,426	400	150	-	150	-	
(d)Senibina	7,560	6,426	400	250	-	150	-	
(e)Perubatan Bersekutu	7,560	6,426	400	250	-	150	-	

Tambang Kapal Terbang (Dua Hala) Peringkat Diploma/Ijazah Setahun:

- Pelajar Semenanjung ke Sarawak dan sebaliknya - RM 700.00
- Pelajar Semenanjung ke Sabah dan sebaliknya - RM 1,000.00
- Pelajar Labuan ke Sarawak dan sebaliknya - RM 400.00
- Pelajar Labuan ke Sabah dan sebaliknya - RM 100.00
- Pelajar Sarawak ke Sabah dan sebaliknya - RM 500.00

5. TEMPOH KONTRAK

Pemohon yang menerima tawaran biasiswa tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam dikehendaki berkhidmat dengan Kerajaan atau tuntutan gantirugi akan dikenakan. Tempoh berkhidmat dengan Kerajaan dan tuntutan gantirugi adalah seperti di bawah:

PERINGKAT / TEMPOH PENGAJIAN	TEMPOH BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN		JUMLAH GANTIRUGI (RM)
	Kursus Bukan Profesional	Kursus Profesional*	
Peringkat Diploma:			
3 tahun atau kurang	3	5	70,000
Lebih dari 3 tahun	4	6	100,000

***Catatan:** Kursus profesional meliputi kursus-kursus seperti Perubatan, Pergigian, Farmasi, Perubatan Veterinar, Kejuruteraan, Seni Bina, Perakaunan, Kejururawatan, Undang-Undang, Penilaian Harta, Ukur Bahan dan Ukur Tanah.

6. CARA MEMOHON

6.1 Permohonan boleh dibuat secara dalam talian (*on-line*) sahaja. Cara memohon adalah seperti berikut:

- (i) pemohon hendaklah mendaftar untuk mendapatkan katalaluan secara percuma melalui talian di <http://esilav2.jpa.gov.my> mulai **27 Julai 2010**;

- (ii) pemohon yang telah berdaftar boleh mengemukakan permohonan mulai tarikh tersebut. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari <http://esilav2.jpa.gov.my> atau <http://www.jpa.gov.my>.
- (iii) pemohon dibenarkan menghantar satu permohonan sahaja tetapi dibenarkan mengakses sebanyak 3 kali untuk mengemaskini atau meminda sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya permohonan yang terkini sahaja diambilkira sebagai penerimaan permohonan;
- (iv) borang permohonan dalam talian yang dimuat turun, dicetak dan dihantar melalui pos **tidak akan diproses**;
- (v) permohonan secara dalam talian tidak memerlukan penghantaran salinan sijil-sijil, kecuali dinyatakan dalam “Slip Pengesahan Permohonan Biasiswa JPA Tahun 2010”;
- (vi) pemohon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak “Slip Pengesahan Permohonan Biasiswa JPA Tahun 2010” sebagai bukti permohonan telah dibuat;
- (vii) pertanyaan mengenai **program tajaan** dan **masalah teknikal** semasa mendaftar untuk mendapatkan kata laluan atau semasa mengisi borang permohonan dalam talian boleh dibuat dengan menghubungi talian 03-88853541 dan 03-88853552 atau emel di alamat esila@jpa.gov.my. Talian-talian ini dibuka setiap hari dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang (Isnin – Jumaat).

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada 2 Ogos 2010. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan.